

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## KESTABILAN BEKALAN GULA PUTIH BERTAPIS

**PUTRAJAYA, 14 JULAI 2023 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** ingin menegaskan bahawa **bekalan gula putih bertapis dalam negara adalah mencukupi untuk kegunaan industri dan domestik.**

2. **KPDN** mengambil langkah proaktif bagi memastikan kestabilan bekalan gula dengan memudahcaraikan proses kelulusan AP import (*Approved Permit*) gula putih bertapis. Bagi tahun 2023, sehingga kini **sebanyak 285,700 MT telah diluluskan kepada 37 syarikat untuk mengimport gula putih bertapis.** KPDN juga telah bersetuju untuk membernarkan syarikat pengimport membungkus gula berkenaan dalam pek 1kg untuk pasaran runcit dan dijual pada **harga kawalan semasa, iaitu RM2.85/kg (gula kasar) dan RM2.95/kg (gula halus).**
  
3. Berhubung bekalan gula bertapis pek 1kg dan 2kg yang lebih dikenali sebagai gula rakyat, **KPDN akan memastikan bekalan diedarkan sekurang-kurangnya 42,000 MT setiap bulan oleh MSM dan CSR bagi menampung keperluan rakyat termasuk penjaja dan peniaga kecil.** Jumlah minimum ini sememangnya adalah mencukupi bagi keperluan isi rumah yang dianggarkan penggunaan sebulan sebanyak **20,800 MT.**

4. Oleh yang demikian, Kementerian ini **tidak teragak-agak** untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas syarikat yang didapati melakukan kesalahan seperti menyorok bekalan gula bertapis pek 1kg dan 2kg atau membungkus semula gula tersebut kepada 50kg untuk jualan industri.
5. **KPDN** menyeru kepada rakyat Malaysia untuk mengemukakan aduan rasmi sekiranya mendapati mana-mana individu/syarikat yang melakukan kesalahan tersebut dengan mengemukakan bukti-bukti berkaitan. Ini untuk membolehkan siasatan dijalankan di bawah mana-mana akta yang dikuatkuasakan oleh **KPDN** atau lain-lain Kementerian.
6. **KPDN** juga menggesa supaya mana-mana orang yang menjalankan perniagaan supaya lebih beretika dalam berurusniaga dan mengelakkan daripada melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
PUTRAJAYA, 14 JULAI 2023.**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

